


2/3/2017



QM  
MASTER

**QUASIMODO**

[Type the document subtitle] | Mohd Mansor Bin Sapari aka  
ShadowgunFX)

Quasimodo...Over and Under.... By Mansor Sapari aka ShadowgunFX

Semoga bermanfaat...

1. Apa itu Quasimodo
2. BASIC Chart Pattern QM
3. Intermediate Chart Pattern QM
  - QM Level TF Large (QML)
  - QM Level TF Medium (QMM/MPL)
4. QM Shadow
5. Target Profit dan Stop Loss
6. ADVANCE – Gabungan QM Level dan Price Action

Ini sangatPenting!!!! Fakeout , Diamond, CPLQ, CP

7. Zikir QM Master yang Wajib dibaca sebelum melakukan Entry
8. Contoh-contoh

# 1. Apa itu Quasimodo(QM)

Quasimodo diambil dari karakter kartun Hunchback of Notre-Dame by Victor Hugo



Perhatikan Bahu Kiri Quasimodo lebih tinggi dari bahu kanan... dan jika kita membuat satu garis di ketinggian bahu kiri dan bahu kanan...maka ketinggian ini tidak sama.


Konsep inilah yang kita akan gunakan di dalam setup QM

Atau dalam cerita melayukita namakan setup ini sebagai "Si Bongkok Dari GuaHantu"

Dimana di akhir cerita sibongkok menjadi Hensem dan berkahwin dengan Puteri Raja..


Begitulah dengan chart Mt4 forex ini...kita bermula dengan agak huduh dan tidak hensem tetapi dengan kesabaran dan kesungguhan akhirnya akaun kita akan lebih Hensem ;-)

## 2. Chart Pattern Quasimodo BASIC/ASAS



Seperti gambar diatas... perhatikan pergerakan price.

1. Price naik dari NO 1 dan turun membuat Resistance di no 2 (bahukiri)
2. Kemudian di no 3 price turun membuat L dan naik semula ke atas break Resistance di no 2 dan membuat Higher High di No 4
3. Kemudian price turun Break No 3 dan membuat Lower Low di no 5
4. Kemudian Price naik semula mencari no 6
5. Disini kita akan membuat Position SELL di No 6...
6. No 6 ini biasanya sama Level dengan No 2..



Ciri-ciri price naik membuat Higher High(no 4 break no 2) dan Lower Low(no 5 break no 3) dipanggil Over and Under.

Over kerana price membuat Higher High Break Bahukiri (No 2)

Under kerana price membuat Lower Low Break Leheratau No 3.

Peluang entry Sell di No 6 di mana No 6 ini sebaris dengan No 2.

Kita lihat contoh dibawah dari MT4



Apabila syarat-syarat telah cukup dan lengkap dimana price membuat OVER and Under maka kita standby utk sell di No 6 (sama baris dengan No 2)

Lukisan credit to Safwan Omar...



Ok..sekarang kita sudah belajar BASIC atau ASAS pattern Quasimodo atau nama lainnya ialah Chart Pattern Head And Shoulders

Namun ini hanya ASAS atau Basic.

Ebook ini akan pergi lebih mendalam mengupas chart Pattern ini dengan lebih Details.

### 3. Chart Pattern Quasimodo Intermediate


Untuk Chart Pattern Quasimodo Intermediate ini kita masih menggunakan chart pattern yang sama Cuma ada penambahan ditengah tengah perjalanan price membuat Pergerakan Under



Perhatikan gambarajah di atas...Perbezaan di antara QM Basic dan QM Intermediate ialah padakotak BIRU

Terdapat satu lagi chart Pattern Quasimodo di dalam kotak Biru.

Jika kita ZOOM out kotak biru kita akan dapat gambarajah seperti di bawah:




Di mana Chart Pattern yang sama Quasimodo terdapat di dalam kotak biru.

Ini dinamakan QM dalam QM

Terdapat QM yang kecil di dalam QM yang besar...dan yang paling penting ialah QML atau QML yang sama baris di antara 2 QM tersebut.

Apa itu QML atau QM Level



QML adalah garisan yang di buat pada ARAS bahuKiri...garisan ini dipanggil QM Level (QML)


QM level hanya Valid semasa bahu kiri masih tidak mempunyai pasangan (bahu kanan belum terjadi)

Seperti gambar rajah di atas QML ini masih tidak mempunyai pasangan(bahukanan) kerana price belum sampai ke kawasan garisan QM Level...maka QM level ini masih Fresh atau Valid

## QML Tidak Valid

QML yang tidak Valid ialah QML yang sudah mempunyai pasangan. Iaitu bahu kiri yang sudah ada bahu kanan (pasangan)

Contoh seperti di bawah




Apabila price berada di No1 ...kitalihat price berada di QML yang fresh (masih belum disentuh)


Maka Valid untuk sell

Apabila price datang semula di NO 2..kita lihat Bahu kiri atau QM level sudah tidak fresh lagi kerana sudah disentuh oleh No 1..maka QML ini tidak fresh dan adalah berisiko untuk kita sell lagi di no 2.

Kita kembali kepada chart pattern QM Intermediate.




Jika kita tandakan QM Level pada chart di atas kita akan dapat 2 QM Level yang sama baris seperti gambarajah dibawah :



Perhatikan QM Level TF Besar sama baris dengan QM Level TF kecil....Ini sangat penting untuk mendapatkan entry yang sharp. (TF= Time Frame)

Maka untuk mengelakkan kekeliruan kita menukar nama QML tf kecil kepada QMM iaitu QM Level TF Medium) atau Maximum Pain Level (MPL)

Maka ia akan jadi seperti dibawah :




Perhatikan apa yang PALING PENTING disini ialah kita mencari QML DAN MPL yang sama baris untuk mendapatkan entry yang Sharp.

Contoh seperti di bawah :



NOTA: Untuk setup Buy sama sahaja...Cuma terbalikkan chart

la akan jadi seperti ini :



Dan contoh seperti di bawah :



Ok so far kita dah tgk contoh QM setup yang cantik di mana QML sama level dengan MPL


Dan kita juga akan belajar bab ADVANCE QM di mana Price Action Chart Pattern yang lain seperti Fakeout, SR Flip, Diamond, CP dan CPLQ akan memainkan peranan yang lebih penting untuk memastikan entry kita lebih Sharp dan mempunyai Kebarangkalian WIN yang lebih tinggi dengan **MEMINIMUMKAN Risk dan MEMAKSIMUMKAN REWARD**

## 4. QM Shadow

QM shadow adalah CS pattern yang dipermudahkan dari Chart Pattern QM.


Take note di sini perbezaan **CS Pattern** dan **Chart Pattern**

Jika kita ambil semula chart pattern QM maka ia akan jadi seperti dibawah :




Ini adalah chart Pattern..

Dan jika kita Simplifiedkan chart pattern ini kepada Time Frame yang lebih besar seperti Daily dan H4 maka kita akan dapat CS Pattern seperti di bawah




Note : Merah adalah Chart Pattern  
Biru adalah CS Pattern

Dan jika kita buang Chart Pattern dan tinggalkan hanya CS pattern ia akan menjadi seperti gambarajah di bawah :



Dan masih Ingat pada QML atau QM Level ....High di atas adalah QM Level kerana Bahu Kiri ini masih Single atau Fresh dan masih belum ada pasangan.


Maka QML kita akan jadi seperti di bawah:



Tolong Fahamkan QML Shadow ini kerana kita akan menggunakan tempat ini sebagai Entry kita apabila dicampurkan dengan setup Price Action Advance seperti Fakeout, SR Flip, Diamond dan CPLQ...amat penting untuk memahami QML ini...

Satu lagi contoh ialah CS Pattern Engulfing. Anda kenal cs pattern Engulfing?

Di bawah ialah cs pattern Bearish Engulfing dan Bullish Engulfing




Perhatikan CS Kedua membuat Higher High berbanding high CS pertama. Ingat pada perkataan **OVER??**


Perhatikan CS Kedua membuat Lower Low berbanding Low CS pertama...ingat pada perkataan **UNDER??**

Ingat apa itu OVER and UNDER???.yes Quasimodo... so dimana QML cs tersebut???.

Kita lukis CS Bearish Engulfing bersama QML dibawah...



Ok ...untuk Bullish Engulfing pula lukisan seperti di bawah



Perlu diingat : Please remember this...

Kita always target QML/MPL/QMMsebagai tempat Entry kita...samaada buy atau sell


Saya harap anda semua faham QML atau QMM atau MPL


## 5. Target TP dan Stop Loss SL

Kita ada 3 cara untuk menentukan TP kita

1. Tp wajib adalah di QML buy semasa price datang semulake kawasan QML buy
2. Risk : Reward ratio ... anda boleh gunakan 1:2 atau 1:3 atau 1:5 terpulang
3. TP Maksimum adalah di Resistance sebelum price membuat pattern QM

Contoh setup sell





Saya harap TP tidak menjadi masalah besa rkerana di dalam forex tiada jaminan bahawa setiap setup akan jadi...yang penting kita mempunyai **Stop Loss** dan TP...ini memberikan kita trading system yang boleh diguna pakai

Namun kita harus ingat bahawa kita baru cover bahagian BASIC dan INTERMEDIATE QM

Nanti saya akan tunjukkan bagaimana ADVANCE QM terbentuk dengan gabungan price action Fakeout Diamond dan CPLQ

Contoh-contoh entry menggunakan QML QMM dan MPL

Saya mahu anda focus dahulu pada area QML/QMM atau MPL dahulu  
Abaikan setup advance seperti fakeout dan sebagainya kerana bahagian ADVANCE QM akan mengupas lebih lanjut tentang setup ADVANCE di ebook yang lain.



Remember higher high lower low OVER and UNDER....perhatikan betul2 utk mendapatkan idea  
macamana entry menggunakan QML









SanusiFs published on TradingView.com, June 24, 2016 14:32 UTC  
FX:USDJPY, 60 102.371 ▼-3.754 (-3.54%) O:102.255 H:102.563 L:102.236 C:102.372


























SanusiFs published on TradingView.com, June 22, 2016 10:13 UTC

FX:AUDUSD, 15 0.74976 ▲ +0.00483 (+0.65%) O:0.74971 H:0.74989 L:0.74962 C:0.74976







Sekian sahaja ebook QM Master. Ianya merangkumi setup basic dan Intermediate QM

Untuk Setup yang lebih Details iaitu QM Advance anda boleh dapatkan di Ebook seterusnya

“Fakeout Master”

Disini ebook ini akan menerangkan lebih details satu persatu bagaimana setup Fakeout jikadigabungkan dengan QM akan menjadi satu Entry yang sangat cantik..

Dan bagaimana Zikir QM Master menjadialan sebelum kitamelakukan Entry

Ini adalah zikir QM Master untuk mendapatkan entry yang cantik

“Wait for Fakeout  
 Wait for Diamond  
 Wait for CPLQ  
 Look to the Left  
 Look for MPL and you have an Entry”

Utk penerangannya boleh dapatkan ebook lanjutan iaitu “QM Master Advance”

Kerana penerangan yang lebih detail tidak mencukupi utk diterangkan didalam 1 ebook ini...

Terima kasih semoga bermanfaat

One last word from me... "Lukis lukis lukis dan keep practice hingga anda menjadi mahir di dalam setup QM...setelah anda mahir maka anda akan menjadi

QM Master

You may share or distribute this e-book to public...tq